

GATT KAJI SEBELAS PERMOHONAN KEAHLIAN

PETALING JAYA 19 Nov. — Sekretariat Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) kini sedang meneliti permohonan keahlian dari 11 buah negara termasuk China dan Taiwan.

Kumpulan kerja telahpun ditubuhkan, dan yang paling terbaru sekali ialah kira-kira dua minggu lepas, bagi meneliti dan mengkaji permohonan keahlian dari negara Taiwan, demikian diberitahu di dalam bengkel mengenai GATT yang berlangsung hari ini.

Lain-lain negara ialah Algeria, Bulgaria, Equador, Nepal, Honduras, Mongolia, Solvenia, Panama dan Paraguay.

Sejumlah 105 negara yang mewakili 90 peratus daripada perdagangan dunia, kini merupakan ahli kepada GATT yang menyediakan sistem perdagangan pelbagai hala.

Bengkel empat hari yang diadakan di Institut Perhubungan Diplomasi dan Asing itu telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Asmat Kama-luddin pada Isnin lepas.

Bengkel tersebut dikenda-

likan oleh Pengarah Latihan, Encik Mohammad Hamid, dan Penasihat Latihan Teknikal Sekretariat GATT yang berpangkalan di Geneva, Encik Raymond J. Krommenacker.

Malaysia telah menyertai GATT sebaik sahaja negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. GATT diwujudkan pada tahun 1948.

Bengkel itu juga diberitahu bahawa 53 persetujuan permulaan telah dibuat oleh sejumlah 67 buah negara — kesemuanya berjumlah lebih daripada 90 peratus perkhidmatan perdagangan seluruh dunia yang menawarkan dasar liberal dalam perkhidmatan sektor-sektor yang utama.

Ini termasuklah Malaysia yang telahpun mengemukakan tawaran mengenai sektor perkhidmatan pada bulan Mac tahun ini.

Sikap liberal ke arah perkhidmatan dagangan dunia adalah lebih penting daripada barangan kerana perkhidmatan memainkan peranan yang strategik dalam membentuk dan menguruskan keseluruhan ekonomi, katanya. — Ber-nama.